

**AMALAN BERSESUAIAN PERKEMBANGAN
DALAM PENGURUSAN BILIK DARJAH
PRASEKOLAH**

ANIS NORMA BINTI MOHAMAD JAAFAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2019

**AMALAN BERSESUAIAN PERKEMBANGAN
DALAM PENGURUSAN BILIK DARJAH
PRASEKOLAH**

oleh

ANIS NORMA BINTI MOHAMAD JAAFAR

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2019

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Segala pujian dan rasa syukur yang tidak terhingga dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua maka tesis ini dapat disempurnakan. Pelbagai pengalaman diperolehi sepanjang kembara ilmu ini menginsafkan diri betapa luasnya lautan ilmu kepunyaan Yang Esa dan betapa kerdilnya diri sebagai pencari ilmu. Syukur atas segala nikmat yang dicurahkan tanpa henti terutamanya nikmat kesihatan, kelapangan waktu, dan keluasan rezeki dalam mengharungi proses untuk merealisasikan jihad ilmu ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia utama, Prof. Dr. Abdul Ghani Kanesan Abdullah atas segala suntikan semangat dan kritikan membina sepanjang menyelia saya. Tanpa tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan beliau, sukar untuk saya melengkapkan pengajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada penyelia bersama, Dr Fadzilah Amzah atas segala tunjuk ajar, idea dan nasihat dalam membimbing saya menyempurnakan tesis ini.

Buat suami tercinta, Mohamad Haizul Aznal Mohamad Hamdan terima kasih kerana sentiasa menyokong, memahami dan mendoakan saya. Buat permata hati, Ilham Harith dan Ilmi Haura, terima kasih kerana anakanda berdua sentiasa memahami kesibukan tugas seharian ibu. Ucapan sekalung budi kepada semua ahli keluarga, terutamanya kepada bonda Pn. Jamilah Berahim serta ayahanda Tn. Hj. Mohamad Jaafar Abdullah dan adik-beradik tersayang Jazilah, Jazmi, Erzian Hanim, Ema Salwa dan Fatin Zafirah. Ribuan terima kasih diucapkan kerana bersabar, memahami,

sentiasa memberikan semangat dan mendoakan kejayaan saya. Sesungguhnya hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas segalanya.

Tidak dilupakan juga kepada sahabat seperjuangan yang sentiasa ada di sisi pada saat-saat memerlukan. Terima kasih atas segala bantuan dan ilmu yang dikongsi sepanjang melengkapkan pengajian ini. Sekalung penghargaan juga kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana telah memberi peluang dan ruang kepada saya untuk melanjutkan pengajian menerusi program tajaan Skim Latihan Akademik (SLAB).

Sesungguhnya, saya amat bersyukur kerana dianugerahkan insan-insan hebat ini disekeliling saya. Tanpa kalian semua, tidak mungkin saya dapat menamatkan pengajian ini dengan jayanya. Semoga segala jasa baik kalian akan diganjar Allah dengan ganjaran yang tidak terhitung nilainya. InsyaAllah.

ANIS NORMA MOHAMAD JAAFAR

OCTOBER 2019

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2.1 Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah	3
1.2.2 Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan (ABP)	7
1.2.3 Kedudukan Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP) di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)	10
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Tujuan Kajian.....	17
1.5 Objektif Kajian.....	17
1.6 Soalan Kajian	19
1.7 Limitasi dan Delimitasi Kajian	20
1.7.1 Limitasi Kajian	20
1.7.2 Delimitasi Kajian	20
1.8 Kepentingan Kajian.....	21
1.8.1 Kepentingan Kajian kepada Guru Prasekolah	21
1.8.2 Kepentingan Kajian kepada Pengurusan Sekolah	22

1.8.3	Kepentingan Kajian kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.....	23
1.8.4	Kepentingan Kajian kepada Bakal Penyelidik	23
1.9	Definisi Operasional Kajian.....	24
1.9.1	Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah	24
1.9.2	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah	24
1.9.3	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti	25
1.9.4	Dimensi Pengurusan Hubungan dan Komunikasi	25
1.9.5	Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak-kanak	25
1.9.6	Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP).....	25
1.10	Kesimpulan	26
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR.....	27
2.1	Pendahuluan	27
2.2	Prasekolah di Malaysia	27
2.3	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).....	28
2.4	Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah.....	32
2.4.1	Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah.....	35
2.4.1(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.....	36
2.4.1(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti.....	38
2.4.1(c)	Dimensi Pengurusan Komunikasi Dan Perhubungan.....	39
2.4.1(d)	Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak-Kanak	40
2.5	Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP).....	41
2.5.1	Prinsip Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP).....	43
2.5.2	Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan Kanak-kanak (ABP) dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)	46

2.5.3	Hubung kait antara ABP dengan Dimensi Pengurusan Bilik Darjah	48
2.6	Kajian Berhubung ABP dan Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah.....	49
2.7	Teori Berkaitan Kajian	54
2.7.1	Teori Kognitif Piaget (1966)	54
2.7.2	Teori Sosial Vygotsky (1978).....	57
2.7.3	Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979).....	59
2.8	Kerangka Konsep Kajian	64
2.9	Kesimpulan	67
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		68
3.1	Pendahuluan	68
3.2	Reka Bentuk Kajian	68
3.2.1	Pendekatan Kualitatif	68
3.2.2	Kajian Kes	70
3.3	Pemilihan Lokasi Kajian	72
3.4	Pemilihan Responden Kajian	74
3.5	Instrumen Kajian	76
3.5.1	Protokol Temu Bual Separa Berstruktur	77
3.5.2	Senarai Semak	78
3.6	Kajian Rintis	79
3.6.1	Kesahan Protokol Temu Bual.....	80
3.6.2	Kesahan Item Senarai Semak	80
3.7	Kaedah Perolehan Data	81
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	82
3.7.1	Temu Bual Separa Berstruktur	83
3.7.2	Pemerhatian	84
3.7.3	Analisis Dokumen	86

3.8	Prosedur Pengumpulan Data	87
3.9	Prosedur Analisis Data Kajian	89
3.9.1	Data Temu Bual Separa Berstruktur.....	92
3.9.2	Data Pemerhatian.....	94
3.9.3	Data Analisis Dokumen.....	94
3.10	Trustworthiness	95
3.10.1	Kredibiliti (credibility)	95
3.10.1(a)	Triangulasi.....	96
3.10.1(b)	Huraian Bias.....	97
3.10.1(c)	Member checks	97
3.10.1(d)	Peer review.....	98
3.10.2	Kebolehpindahan (transferability).....	98
3.10.3	Kebolehpercayaan (dependability).....	99
3.11	Kesimpulan	101
BAB 4 DAPATAN KAJIAN.....		102
4.1	Pengenalan	102
4.2	Latar Belakang Responden Kajian.....	102
4.3	Analisis Data	104
4.3.1	Kaedah Temu bual.....	104
4.4	Kefahaman guru prasekolah terhadap empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP).....	104
4.4.1	Dapatan Kes Guru Prasekolah 1 (GP1)	108
4.4.1(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.....	108
4.4.1(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti.....	111
4.4.1(c)	Dimensi Pengurusan Tingkah laku Kanak-Kanak Dalam Bilik Darjah	113

4.4.1(d)	Dimensi Pengurusan Hubungan Dan Komunikasi	115
4.4.2	Dapatan Kes Guru Prasekolah 2 (GP2)	116
4.4.2(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.Ruang dalaman bilik darjah.....	116
4.4.2(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti Perancangan Pengajaran.....	120
4.4.2(c)	Dimensi Pengurusan Tingkah laku Kanak-Kanak Dalam Bilik Darjah	121
4.4.2(d)	Dimensi Pengurusan Hubungan Dan Komunikasi	123
4.4.3	Dapatan Kes Guru Prasekolah 3 (GP3)	125
4.4.3(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.....	125
4.4.3(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti Perancangan Pengajaran.....	127
4.4.3(c)	Dimensi Pengurusan Tingkah laku Kanak-Kanak Dalam Bilik Darjah Peraturan.....	128
4.4.3(d)	Dimensi Pengurusan Hubungan Dan Komunikasi Interaksi antara guru dengan kanak-kanak.	130
4.4.4	Dapatan Kes Guru Prasekolah 4 (GP4)	132
4.4.4(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.Ruang dalaman bilik darjah.....	132
4.4.4(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti.....	135
4.4.4(c)	Dimensi Pengurusan Tingkah laku Kanak-Kanak Dalam Bilik Darjah Peraturan.....	137
4.4.4(d)	Dimensi Pengurusan Hubungan Dan Komunikasi Interaksi antara guru dengan kanak-kanak.	138
4.4.5	Rumusan Dapatan Kajian Mengikut Kes	143
4.4.6	Rumusan Dapatan Kajian Mengikut Dimensi	146
4.4.7(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.....	146

4.4.7(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan dan Perlaksanaan Aktiviti	153
4.4.7(c)	Dimensi Tingkah laku Kanak-Kanak Di Dalam Bilik Darjah.....	155
4.4.7(d)	Dimensi Pengurusan Perhubungan Dan Komunikasi	158
4.5	Amalan guru prasekolah yang berkaitan dengan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP).	161
4.5.1	Dapatan Kes Guru Prasekolah 1 (GP1)	162
4.5.1(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.....	162
4.5.1(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti.....	167
4.5.1(c)	Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak- kanak	168
4.5.1(d)	Dimensi Pengurusan Hubungan dan Komunikasi	170
4.5.2	Dapatan Kes Guru Prasekolah 2 (GP2)	174
4.5.2(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.....	174
4.5.2(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti Jadual Harian.....	178
4.5.2(c)	Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak- kanak	181
4.5.2(d)	Dimensi Pengurusan Hubungan dan Komunikasi	183
4.5.3	Dapatan Kes Guru Prasekolah 3 (GP3)	186
4.5.3(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.....	186
4.5.3(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti.....	190
4.5.3(c)	Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak- kanak	191
4.5.3(d)	Dimensi Pengurusan Hubungan dan Komunikasi	193

4.5.4	Dapatan Kes Guru Prasekolah 4 (GP4)	195
4.5.4(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah	195
4.5.4(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti Jadual Harian.....	197
4.5.4(c)	Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak-kanak	199
4.5.4(d)	Dimensi Pengurusan Hubungan dan Komunikasi	200
4.5.5	Dapatan Analisis Dokumen	203
4.5.6	Rumusan	206
4.6	Keselarian antara Kefahaman dan Amalan Berkaitan dengan Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-Kanak.....	206
4.6.1	Dapatan Kes Guru Prasekolah 1 (GP1)	207
4.6.2	Dapatan Kes Guru Prasekolah 2 (GP2)	208
4.6.3	Dapatan Kes Guru Prasekolah 3 (GP3)	210
4.6.4	Dapatan Kes Guru Prasekolah 4 (GP4)	212
4.6.5	Rumusan	214
4.6.5(a)	Dimensi Pengurusan Fizikal Prasekolah.....	214
4.6.5(b)	Dimensi Perancangan Dan Pelaksanaan Aktiviti.....	215
4.6.5(c)	Dimensi Hubungan dan Komunikasi	215
4.6.5(d)	Dimensi Pengurusan Tingkah laku	215
4.7	Soalan Kajian 4: Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam menguruskan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP)?.....	216
4.7.1	Faktor Masa	218
4.7.2	Faktor Tekanan Akademik	220
4.7.3	Faktor Sokongan Pentadbiran.....	222
4.7.4	Faktor Pengurusan Bilik Darjah	223

4.7.5	Faktor GP sebagai Pembuat Keputusan.....	226
4.7.6	Rumusan	230
4.8	Kesimpulan	231
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		232
5.1	Pendahuluan	232
5.2	Rumusan Dapatan Kajian.....	232
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	233
5.3.1	Kefahaman guru prasekolah terhadap empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP).....	233
5.3.1(a)	Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah.....	233
5.3.1(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti.....	235
5.3.1(c)	Dimensi Pengurusan Hubungan Dan Komunikasi	238
5.3.1(d)	Dimensi Pengurusan Tingkah Laku Kanak-Kanak.	239
5.3.2	Amalan guru prasekolah yang berkaitan dengan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak kanak (ABP).....	240
5.3.2(a)	Dimensi Pengurusan Fizikal Bilik Darjah.....	240
5.3.2(b)	Dimensi Pengurusan Perancangan Aktiviti.....	242
5.3.2(c)	Dimensi Pengurusan Hubungan dan Komunikasi	244
5.3.2(d)	Dimensi Pengurusan Tingkah laku	246
5.3.3	Keselarian antara kefahaman guru prasekolah dengan amalannya berkaitan dengan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP).....	247
5.3.4	Cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam Bilik Darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-Kanak (ABP).....	251

5.3.4(a)	Faktor masa	252
5.3.4(b)	Faktor tekanan akademik	253
5.3.4(c)	Faktor sokongan akademik	254
5.3.4(d)	Faktor pengurusan bilik darjah.....	256
5.3.4(e)	Faktor guru sebagai pembuat keputusan	256
5.4	Implikasi Kajian	259
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori	259
5.4.2	Implikasi Terhadap Metodologi	261
5.4.3	Implikasi Terhadap Polisi dan Amalan	262
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	264
5.5.1	Memperluaskan Populasi Kajian	264
5.5.2	Mempelbagaikan Kaedah Kajian.....	264
5.5.3	Menambah Pembolehubah Dan Meluaskan Skop Kajian	265
5.6	Kesimpulan	265
	RUJUKAN	269
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Hubung kait antara ABP dengan dimensi pengurusan bilik darjah 48
Jadual 3.1	Soalan temu bual separa berstruktur 77
Jadual 3.2	Contoh item-item senarai semak 78
Jadual 3.3	Tarikh Pemerhatian Setiap Responden Kajian..... 79
Jadual 3.4	Jadual Matrik Pengumpulan dan Penganalisisan Data Guru 81
Jadual 3.5	Ringkasan Sumber Data 87
Jadual 3.6	Pakar Penilai Cohen Kappa..... 99
Jadual 3.7	Skala Persetujuan Nilai Cohen Kappa 100
Jadual 3.8	Tahap persetujuan pakar dan urata keseluruhan nilai Kappa 101
Jadual 4.1	Demografi Responden Kajian 103
Jadual 4.2	Temu Bual Guru Prasekolah Yang Dikaji 104
Jadual 4.3	Menunjukkan contoh bagaimana pengkaji menggunakan saranan Braun dan Clarke (2006) dalam mewujudkan tema 106
Jadual 4.4	Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian Mengikut Kes..... 143
Jadual 4.5	Tarikh pemerhatian setiap responden kajian 162
Jadual 4.6	Keselarian Antara Kefahaman dan Amalan GP1 Berkaitan dengan Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Berdasarkan ABP. 207
Jadual 4.7	Keselarian Antara Kefahaman dan Amalan GP2 Berkaitan dengan Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Berdasarkan ABP 209
Jadual 4.8	Keselarian antara Kefahaman dan Amalan GP3 Berkaitan dengan Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Berdasarkan ABP. 211
Jadual 4.9	Keselarian Antara Kefahaman Dan Amalan GP4 berkaitan dengan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan ABP..... 213

Jadual 4.10	Rumusan keseluruhan keselarian antara kefahaman dan amalan berkaitan dengan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan ABP.	216
Jadual 4.11	Rumusan Keseluruhan Cabaran yang Dihadapi oleh GP dalam Mengaplikasikan ABP dalam Bilik Darjah Prasekolah.	230

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Perubahan dalam Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-kanak 3
Rajah 2.1	Tunjang-tunjang KSPK. Sumber: KPM 2017, halaman 2 31
Rajah 2.2	Kerangka Konsep Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. 47
Rajah 2.3	Sfera Teori Ekologi Bronfenbrenner. Sumber: Noralina 2016,halaman 25 60
Rajah 2.4	Kerangka Konsep Kajian Amalan Bersesuaian Perkembangan dalam Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah 65
Rajah 3.1	Prosedur pengumpulan data 87
Rajah 3.2	Model Interaktif Analisis Data (Miles & Huberman, 1992) 90
Rajah 4.1	Pelan lantai bilik darjah prasekolah GP1 162
Rajah 4.2	Ruang dalaman bilik darjah prasekolah GP1 164
Rajah 4.3	Pelan lantai bilik darjah prasekolah GP2 174
Rajah 4.4	Ruang dalaman bilik darjah prasekolah GP2. 175
Rajah 4.5	Aktiviti kanak-kanak prasekolah GP2..... 179
Rajah 4.6	Pelan lantai bilik darjah prasekolah GP3 186
Rajah 4.7	Contoh eksperimen sains yang dilakukan oleh kanak-kanak 188
Rajah 4.8	Ruang membaca dan peraturan yang dipaparkan di dalam bilik darjah GP3. 189
Rajah 4.9	Ruang penyimpanan bahan bantu mengajar dan buku kerja kanak-kanak di prasekolah GP3..... 189
Rajah 4.10	Pelan Lantai Bilik Darjah Prasekolah GP4 195
Rajah 4.11	Ringkasan Data Soalan Kajian 4..... 217

AMALAN BERSEKUTAIAN PERKEMBANGAN DALAM PENGURUSAN BILIK DARJAH PRASEKOLAH

ABSTRAK

Ketidakecekapan pengurusan bilik darjah adalah antara faktor yang menyebabkan matlamat pendidikan tidak berjaya dicapai dengan sepenuhnya dan ia juga mengganggu perkembangan kanak-kanak secara holistik. Pemahaman guru tentang prinsip Amalan Bersekuensi Perkembangan (ABP) kanak-kanak adalah penting dalam memastikan pengurusan bilik darjah menjadi lebih berkesan dan kondusif. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kefahaman dan amalan sebenar guru prasekolah dalam mengaplikasikan ABP dalam pengurusan bilik darjah. Seterusnya, kajian ini juga mengkaji keselarian antara kefahaman dan amalan dalam mengaplikasikan ABP dalam pengurusan bilik darjah dan selanjutnya mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Kajian ini berfokus kepada empat dimensi pengurusan bilik darjah (a) dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah, (b) dimensi pengurusan perancangan aktiviti, (c) dimensi pengurusan hubungan dan komunikasi, dan (d) dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Responden kajian terdiri daripada empat orang guru Prasekolah di Sekolah Kebangsaan Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru prasekolah dalam kajian mempunyai kefahaman yang menyeluruh terhadap empat dimensi pengurusan bilik darjah berasaskan Amalan Bersekuensi Perkembangan kanak-kanak. Namun demikian dapatan juga menunjukkan terdapat ketidakeselarian antara kefahaman guru dengan amalannya dalam mengurus bilik

darjah prasekolah. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat lima cabaran utama dalam mengaplikasikan ABP dalam pengurusan bilik darjah prasekolah iaitu (a) faktor masa, (b) faktor tekanan akademik, (c) sokongan pentadbiran , (d) faktor pengurusan bilik darjah, dan (e) faktor guru sebagai pembuat keputusan. Kajian ini memberi implikasi bahawa guru prasekolah perlu lebih didedahkan tentang aplikasi ABP dalam pengurusan bilik darjah prasekolah melalui kursus-kursus peningkatan profesionalisme dan pihak pembuat polisi juga perlu memastikan elemen ABP di ambil kira bukan sahaja dalam urusan pengajaran dan pembelajaran tetapi juga dalam pengurusan bilik darjah.

DEVELOPMENTALLY APPROPRIATE PRACTICES IN PRESCHOOL CLASSROOM MANAGEMENT

ABSTRACT

Ineffectiveness of classroom management is one of the factors that causes the educational goals unachievable and that, interferes in children's holistic development. Teachers' understanding on the principles of children Developmentally Appropriate Practice (DAP) is crucial in ensuring the classroom management becoming more effective and conducive. This study aims to examine the extension of understanding and real practices of preschool teachers in applying the DAP into classroom management. In addition, this study looks at the coordination between understanding and practice in implementing the DAP into classroom management and further identifying the challenges faced in the implementation. This study focuses on the four dimensions of classroom management which consist of (a) the dimensions of management on physical classroom environment, (b) the dimensions of management on activity planning, (c) the dimensions of management on relationship and communication, and (d) the dimensions of management on children's behaviour. This study is a case study using qualitative approach. Data collection was collected through semi structured interviews, observation and document analysis. A total of four preschool teachers from Sekolah Kebangsaan in Muallim, Perak Darul Ridzuan were samples for this study. Studies have found that teachers have a comprehensive understanding on the four dimensions of classroom management based on the children developmentally appropriate practice. However, the findings indicate that there is an inconsistency between teachers' understanding and their practice in managing the preschool classrooms. There are five main challenges or factors identified as the main

challenge of preschool teachers in implementing the DAP into preschool classroom management; (a) time, (b) academic pressures, (c) administration supports, (d) teacher as classroom management and (e) teachers as a decision maker. Implication from this study shows that teachers need to be exposed to the application of DAP into classroom management through professionalism courses and the policy maker should ensure that DAP elements are taken into considerations not only in teaching and learning, but as well as in classroom management.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Pengurusan bilik darjah yang baik dan sempurna membolehkan kanak-kanak mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Guru memainkan peranan utama dalam pengurusan bilik darjah dan bertanggungjawab menjadikan bilik darjah menarik dan kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran seharian (Slavin, 2014). Ketidakecapan pengurusan bilik darjah dikatakan sebagai salah satu faktor yang menyebabkan matlamat pendidikan tidak berjaya dicapai dengan sepenuhnya dan ia mengganggu perkembangan holistik kanak-kanak. Kajian Zarina (2017), menjelaskan bahawa setiap bilik darjah memerlukan transformasi yang berbeza untuk menggalakkan perubahan sosial, emosi dan juga kelakuan yang beretika dalam bilik darjah. Persekitaran bilik darjah yang terurus sangat membantu perkembangan holistik kanak-kanak.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan prasekolah didefinisikan sebagai program pendidikan awal kanak-kanak yang berumur dari empat hingga enam tahun seperti termaktub pada Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Program pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia bermula sekitar tahun 1980-an, apabila Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Perpaduan Negara mengikuti langkah yang diperkenalkan oleh Benard Van Lee Foundation pada tahun 1970-an dengan menubuhkan 10 contoh prasekolah di luar bandar yang dikenali sebagai Tabika. Kepentingan pendidikan prasekolah juga terkandung dalam Akta Pendidikan 1996 (Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2002;

Surayah 2011). Seterusnya, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 menjadikan pendidikan prasekolah sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Dasar pendidikan prasekolah melalui Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 15 menyatakan bahawa sistem pendidikan kebangsaan hendaklah terdiri antaranya ialah pendidikan prasekolah. Dasar pendidikan ini membolehkan murid-murid menikmati peluang pendidikan prasekolah tanpa mengira latar belakang keluarga. Namun, bagi prasekolah KPM keutamaan diberikan kepada murid-murid yang mana pendapatan penjaga berada di bawah garis kemiskinan (KPT, 2002). Pada tahun 1922, KPM ketika itu telah menubuhkan pusat pendidikan awal kanak-kanak yang dikenali sebagai Prasekolah Annex iaitu prasekolah rintis. Seterusnya kesan daripada Akta Pendidikan 1996, KPM telah memulakan program perluasan prasekolah pada tahun 2001. Melalui program perluasan ini, bilangan bilik darjah prasekolah telah ditambah dan secara tidak langsung telah menambah bilangan murid prasekolah.

Pendidikan awal kanak-kanak mula mendapat perhatian yang lebih serius pada tahun 1984. Pada tahun 1986 pula, Buku Panduan Guru Prasekolah mula diterbitkan. Buku ini diterbitkan bagi tujuan meningkatkan kemahiran dan kreativiti guru prasekolah dan juga dapat membantu guru mengelola dan mengurus pengajaran dan pembelajaran prasekolah dengan lebih sistematik. Seterusnya, pada tahun 1993, Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Malaysia mula diperkenalkan dan digunakan di semua sekolah rintis di KPM. Kini, Garis Panduan Pendidikan Prasekolah Malaysia diganti dengan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (4-6 tahun) pada tahun 2003 dan seterusnya digantikan dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 (KSPK) dan yang terkini ialah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017. Perubahan dalam kurikulum Pendidikan Awal Kanak-kanak ini diilustrasikan seperti Rajah 1.1 di bawah:



Rajah 1.1. Perubahan dalam Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-kanak

KSPK Semakan 2017 telah dihasilkan dalam usaha menyediakan dan memenuhi kehendak pendidikan di alaf ke 21 sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. KSPK terbaru iaitu KSPK Semakan 2017 dan digunakan di semua prasekolah dan tadika bermula Januari 2017. Semakan kurikulum yang dijalankan adalah untuk memastikan intipati kurikulum adalah berbentuk holistik yang mengikuti dan memenuhi keperluan semasa di era pendidikan yang canggih dan global (KPM, 2017).

1.2.1 Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah

Menurut Noraini (2015) pengurusan bilik darjah adalah satu proses pembentukkan suatu alam pembelajaran serta usaha untuk mengekalkan persekitaran bilik darjah yang kondusif untuk pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran agar objektif yang ditetapkan tercapai. Ia melibatkan pembinaan suasana pembelajaran yang terbaik dalam bilik darjah bagi meningkatkan motivasi kanak-kanak dan memperkembangkan sikap tanggungjawab serta kebolehan untuk membuat

perancangan sendiri (Noraini, 2015). Pengurusan bilik darjah juga bermaksud cara guru dan kanak-kanak bekerja, cara mereka saling berkerjasama dan cara pengajaran dan pembelajaran berlaku. Menurut Jennings et al. (2017) pengurusan bilik darjah adalah kerjasama di antara guru dan kanak-kanak untuk mengurus segala aspek yang melibatkan pengurusan kanak-kanak, kemudahan fizikal serta aktiviti yang dilaksanakan agar persekitaran kondusif untuk sesi pengajaran dan pembelajaran dapat diwujudkan.

Pengurusan bilik darjah perlulah melangkaui amalan bilik darjah tradisional untuk menangani sebarang isu tingkah laku yang terjadi dengan menggunakan kaedah membina hubungan yang baik dan mesra dengan kanak-kanak dan juga sesama kanak-kanak untuk mempertingkatkan perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak. Budaya saling menyokong dan mengambil berat dalam bilik darjah perlu diterapkan bagi memudahkan penyampaian guru dalam proses PdP dan ia mampu mengoptimalkan input yang diperolehi oleh kanak-kanak dalam bilik darjah yang kondusif (Slavin, 2014).

Dapatan kajian oleh Che Nizam et al. (2016) menunjukkan bahawa kesesuaian persekitaran seperti fizikal bilik darjah dari aspek perabot, kemudahan, dan aspek pencahayaan, serta kualiti udara dalaman, ruang, dan warna mempengaruhi pembelajaran kanak-kanak. Maka, bilik darjah yang diurus dengan baik dapat membentuk satu iklim pengajaran dan pembelajaran yang positif dan kondusif. Namun, ia sukar untuk diwujudkan dan sangat mencabar buat semua guru. Sekiranya wujud persekitaran bilik darjah yang kondusif, kanak-kanak akan berminat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan tanpa gangguan atau halangan. Iklim pembelajaran mencukupi semua elemen yang ada di sekeliling kanak-kanak dan

berupaya mempengaruhi pembelajaran dan tingkah laku kanak-kanak (Stefan & Mircea, 2014).

Setiap kanak-kanak yang dilahirkan, dikurniakan potensi yang tinggi dan bakat yang luar biasa. Potensi dan bakat ini boleh mencapai tahap yang optimum jika diberi rangsangan yang bersesuaian. Kanak-kanak dilihat mampu mempertingkatkan potensi mereka dan ini bergantung kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran. Maka, guru seharusnya menyediakan ruang interaksi, persekitaran yang positif dan mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mampu membentuk dan mengembang potensi kanak-kanak secara optimum. Hal ini adalah selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara iaitu memperkembangkan insan yang seimbang ke peringkat yang optimum (Azhari & Zaleha, 2013).

Pengurusan bilik darjah bukan sahaja melibatkan pengurusan tingkah laku kanak-kanak tetapi merangkumi tindakan guru untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah (Stefan & Mircea, 2014). Kecekapan dan keberkesanan kemahiran guru dalam mengurus bilik darjah dapat menggalakkan pembentukan iklim pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Pada masa kini pengurusan tingkah laku kanak-kanak semakin mencabar dan tingkah laku mereka sukar dikawal dengan berkesan sehingga menyebabkan gangguan pada proses pengajaran dan pembelajaran. Ia boleh mempengaruhi iklim disiplin dan pencapaian mereka serta turut memberi kesan kepada iklim dan budaya sekolah. Sehubungan itu, guru besar perlu memastikan guru - guru memahami tugas dan peranan mereka dalam menentukan disiplin kanak-kanak di bilik darjah berada dalam keadaan baik dan terkawal pada setiap masa. Di samping itu, ia mampu mempengaruhi motivasi, tingkah laku serta penglibatan kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengurusan bilik darjah yang berkesan mampu meningkatkan pencapaian akademik kanak-kanak. Seorang guru seharusnya mampu mengurus bilik darjah dan mengawal tingkah laku kanak-kanak agar proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lancar dan berkesan tanpa gangguan (James, 2014). Bagi bilik darjah prasekolah, pengurusan yang baik membolehkan kanak-kanak mempelajari bahan-bahan dengan berkesan kerana mereka tahu mereka berada di dalam kawasan yang selamat, selesa serta kemas. Terdapat sekurang-kurangnya lima aspek yang perlu diambil kira dalam pengurusan ruang bilik darjah iaitu (1) bilik darjah yang terurus, (2) perancangan awal, (3) penulisan peraturan, (4) komunikasi efektif, dan (5) menyertai kumpulan profesional (Putri Zabariah, 2012).

Menurut Erdogan dan Kurt (2015), bilik darjah yang diurus dengan baik menggalakkan kanak-kanak sentiasa mengambil berat dan bekerjasama di antara satu sama lain, membuat pilihan yang bijak dan sering berusaha untuk menghasilkan kerja yang berkualiti, menarik dan penting bagi mereka. Pengurusan bilik darjah bukan hanya untuk membangunkan dan mengekalkan persekitaran yang teratur untuk membolehkan kanak-kanak memperolehi pembelajaran yang bermakna tetapi ia juga bertujuan menambah baik tingkah laku kanak-kanak (Egeberg et al., 2016).

Menurut Nurdiyana (2015) kecekapan pengurusan bilik darjah seseorang guru berkait rapat dengan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pengurusan bilik darjah merupakan sebahagian dari proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk membina serta memupuk tingkah laku kanak-kanak dalam bilik darjah agar proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan lancar. Menurut Stefan dan Mircea (2014) suasana pembelajaran yang berkesan tidak mungkin terbina dengan hanya memberi tumpuan pada proses penyampaian isi pengajaran guru sahaja. Ia turut melibatkan aspek pengurusan bilik darjah serta tingkah laku kanak-kanak.

1.2.2 Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan (ABP)

Dari sudut sejarahnya, kerangka awal ABP telah dibina dalam tahun 1980 an oleh NAEYC iaitu sebuah organisasi yang melakukan kajian berkaitan dengan penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak di UK. Perkataan ABP atau dalam Bahasa Inggerisnya “*Developmentally Appropriate Practice*” (DAP) mula diperkenalkan dan diterbitkan dalam bentuk pernyataan garis panduan dalam tahun 1986 sebagai *National Association for the Education of Young Children* (NAEYC) (Bredekamp, 1987).

Menurut Copple dan Bredekamp (1997), garis panduan asal yang dikeluarkan oleh NAEYC bagi ABP adalah berasaskan kepada teori perkembangan semata-mata. Pada masa yang sama juga, lebih banyak perhatian telah diberikan kepada teori konstruktif oleh Piaget berbanding dengan perhatian kepada konteks sosial budaya yang diperkenalkan oleh Vygotsky (Van Horn & Ramey, 2003). Bagaimanapun hasil semakan terkini ABP oleh (NAEYC, 2008), terdapat 12 garis panduan prinsip pembelajaran dan amalan telah dihasilkan berdasarkan kepada teori-teori terkini dan kajian-kajian empirikal yang mengambil kira proses perkembangan kanak-kanak dan pengaruh sosial budaya. Berikut adalah secara ringkas 12 prinsip atau garis panduan yang telah dikeluarkan oleh NAEYC berkaitan dengan perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak.

- a. Terdapat hubung kait yang rapat di antara domain perkembangan kanak-kanak dan bagaimana domain-domain itu saling mempengaruhi antara satu sama lain.
- b. Jangkaan susulan daripada perkembangan itu terhasil daripada ilmu pengetahuan yang ditimba, disertai kebolehan, kemahiran dan pengetahuan secara mendalam.

- c. Kadar perkembangan dan pembangunan dalam bidang yang berlainan adalah berbeza antara seorang kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain.
- d. Berlakunya kesan kumulatif (terkumpul) dan tertangguh terhadap perkembangan kanak-kanak, adalah disebabkan pengalaman awal yang dialami mereka. Terdapat tempoh optimum bagi jenis perkembangan dan pembelajaran yang tertentu.
- e. Perkembangan yang *advance* (kehadapan) dijangkakan akan menjurus kepada situasi yang lebih rumit, organisasi dan proses generalisasi.
- f. Konteks sosial yang mempunyai pelbagai peringkat dan budaya asal memberi kesan terhadap perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak.
- g. Sebagai kanak-kanak yang aktif, kanak-kanak menggunakan pengetahuan menerusi pengalaman sosial dan fizikal mereka untuk membina kefahaman sendiri tentang dunia.
- h. Interaksi antara 'kematangan biologi dan persekitaran' didapati mempunyai implikasi terhadap perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak.
- i. Bermain merupakan faktor penting yang menyokong sosial, emosi, perkembangan kognitif dan juga refleksi dalam perkembangan kanak-kanak.
- j. Perkembangan teracetus apabila adanya peluang untuk mempraktikkan kemahiran baru sebagaimana membenarkan kanak-kanak mengalami cabaran yang melebihi tahap kemahiran mereka yang sedia ada.
- k. Kanak-kanak menunjukkan ragam yang berbeza-beza dalam mengetahui dan mempelajari sesuatu, serta menunjukkan apa yang mereka tahu menerusi cara yang berlainan.

1. Kanak-kanak dapat berkembang dan belajar dengan paling baik apabila komuniti tempat tinggal mereka menghargai mereka, membuatkan mereka berasa selamat dan terjamin dari segi psikologinya, serta memenuhi keperluan fizikal mereka.

(Copple & Bredekamp, 2009, halaman 12-14)

NAEYC percaya bahawa PdP kanak-kanak seharusnya berdasarkan ABP. Antara prinsip utama ABP ialah PdP yang berpusatkan kanak-kanak dan mengutamakan kadar keupayaan kanak-kanak secara individu dan keupayaan ini menjadi asas dalam perkembangan kognitif bagi membantu kanak-kanak untuk terus belajar. NAEYC menyarankan supaya kurikulum formal dan berasaskan akademik digantikan dengan kurikulum yang amalnya bersesuaian dengan perkembangan. Konsep ABP sudah diterima pakai dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak sebagai panduan dan amalan terbaik berdasarkan teori dan konsepnya yang berasaskan pengetahuan. Konsep berasaskan pengetahuan ini berkembang dari segi teori, penyelidikan, amalan terbaik, dan merupakan satu standard yang membentuk konteks ABP pada hari ini (Raines & Johnston, 2003).

Pemahaman guru tentang ABP adalah penting dalam melaksanakan pendekatan berpusatkan murid kerana guru yang mempunyai pengetahuan tentang ABP memahami bahawa setiap murid mempunyai keupayaan yang berbeza dan mereka melihat setiap murid secara individu. Melalui ABP, guru melaksanakan pengajaran berasaskan fitrah murid dan memberikan pembelajaran yang bermakna. Dalam hal ini, guru perlu bijak mengenal pasti keupayaan murid dan menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan perkembangan murid seperti pendekatan belajar melalui bermain.

ABP menekankan bermain sebagai pendekatan terbaik dalam menjayakan pembelajaran pada peringkat kanak-kanak kerana NAEYC percaya melalui bermain kanak-kanak dapat belajar mengikut keupayaan dan minat mereka sendiri. Teori Kognitif Piaget mengatakan kanak-kanak memiliki keupayaan kognitif yang berbeza dan keupayaan ini dilakukan pada tahap yang berlainan Piaget (1962) dalam Shahbuddin et al. (2003). Tahap ini berdasarkan perkembangan kanak-kanak dan perkembangan ini mampu diasah dan dibangunkan berdasarkan minat dan mengikut amalan yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Pembelajaran berdasarkan ABP memberi peluang kepada kanak-kanak belajar mengikut perkembangan dan keupayaan yang bersesuaian dengan usia mereka.

1.2.3 Kedudukan Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP) di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dibina berdasarkan reka bentuk kurikulum berasaskan standard telah memasukkan elemen ABP sebagai panduan penting kepada guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan dalam menyusun atur bilik darjah prasekolah (KPM, 2017). Dalam KSPK telah dinyatakan dengan jelas bahawa setiap aktiviti perlulah bersandarkan kepada ABP atau Amalan Bersesuaian Perkembangan. Menurut Arthur et al. (2013) ABP adalah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran bersifat fleksibel tetapi terancang dan semua murid terlibat secara aktif melalui pelbagai aktiviti individu, kumpulan dan kelas sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Hal ini adalah kerana suasana pembelajaran yang selesa, ceria dan selamat dapat menggalakkan naluri ingin tahu dan gemarkan cabaran yang seiring dengan fitrah semulajadi kanak-kanak.

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia persekolahan kepada seseorang kanak-kanak. Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menggembirakan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat. Sehubungan dengan itu konsep ABP amat perlu ditekankan dalam pendidikan prasekolah supaya aktiviti yang dirancang hendaklah sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak supaya dapat merangsang pemikiran, membina sikap positif dan akhlak yang baik, meningkatkan kecergasan dan kesihatan ke arah penyuburan potensi yang optimum.

Sehubungan dengan itu antara prinsip yang diambil kira dalam penggubalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) ialah berdasarkan kepada prinsip Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan Kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. Pendekatan pembelajaran berpusatkan murid, inkuiri penemuan, belajar melalui bermain, pendekatan bertema, pendekatan bersepadu adalah ditekankan. Kriteria pemilihan aktiviti memberi keutamaan kepada pengalaman yang menyuburkan (enriching), penglibatan aktif (engaging), selamat (safe) dan menyeronokkan (fun).

ABP bermula dengan kefahaman guru-guru terhadap ilmu bagaimana kanak-kanak berkembang dan bagaimana membesar. Tujuan utama adalah bagi merangsang perkembangan kanak-kanak secara optima dengan memberi fokus kepada kanak-kanak secara individu. ABP memberi peluang kepada kanak-kanak bermain dan bukannya mendesak mereka berkembang dengan cepat. Mengetahui cara kanak-kanak belajar dan berkembang merupakan elemen penting yang perlu diketahui oleh guru. Menurut Copple dan Bredekamp (2009), untuk mengamalkan ABP dengan jayanya,

guru perlu berinteraksi dengan kanak-kanak secara individu atau secara berkumpulan dan membantu kanak-kanak menghadapi cabaran.

ABP ini juga sangat berkait rapat dengan pengurusan bilik darjah prasekolah. Secara umumnya, bilik darjah merupakan medan perjuangan utama seorang guru menjalankan tugas, peranan dan tanggungjawab. Seseorang guru akan diklasifikasikan sebagai tidak melaksanakan tugas sekiranya amanah ini diabaikan walaupun beliau merupakan seorang juara masyarakat yang paling komited di luar bilik darjah atau di luar sekolah (Cooper, 2006). Proses pengajaran dan pembelajaran tidak mampu dioptimumkan sekiranya terdapat gangguan dalam bilik darjah yang kerap. Kemahiran pengurusan bilik darjah merupakan satu daripada tiga elemen utama pengajaran yang berkesan (Marzano, Marzano, & Pickering, 2003). Guru prasekolah perlu mengamalkan teknik-teknik pengurusan bilik darjah yang berkesan di samping bijak memilih strategi dan cara penyampaian pengajaran yang sesuai untuk pemahaman maksima kanak-kanak mereka. Penggunaan teknik-teknik pengurusan bilik darjah yang berkesan ini perlulah mengambil kira ABP yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Kajian (Charlesworth, Hart, Burts, & Hernandez, 1997; Charlesworth et al., 1993; McMullen, 1999) menunjukkan bahawa amalan dan pengetahuan guru berhubungan ABP sangat membantu guru dalam menguruskan bilik darjah prasekolah. Lambert et al. (2006) dalam kajiannya mendapati guru yang mempunyai kefahaman yang rendah terhadap ABP dan pengurusan bilik darjah biasanya akan mengeluarkan kenyataan yang berbentuk negatif apabila bercakap soal pengurusan bilik darjah prasekolah.

Menurut James Ang (2014) pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah, pengurusan tingkahlaku dan disiplin kanak-kanak, pengurusan hubungan dan komunikasi dalam bentuk pengumpulan serta pergerakan murid dalam bilik darjah

merupakan antara dimensi dalam kemahiran pengurusan bilik darjah yang perlu dikuasai oleh para pendidik untuk mencapai matlamat pendidikan abad ke -21. Menurut perspektif Wong dan Wong (2005), pengurusan bilik darjah merujuk kepada semua perkara yang dilakukan oleh guru seperti menyediakan kanak-kanak dengan ruang, masa, dan bahan-bahan yang sesuai supaya proses PdP dapat dijalankan dalam keadaan yang selesa. Hall, Quinn, dan Gollnick (2008) turut berpendapat bahawa pengurusan bilik darjah melibatkan semua tugas yang dilaksanakan oleh guru yang meliputi pelbagai tindakan dan sikap yang berkaitan dengan PdP yang dijalankan setiap hari.

Seterusnya, menurut Mistirine dan Al-Muz-zammil (2018), bilik darjah abad ke-21 mestilah mempunyai ciri yang berbeza dengan bilik darjah konvensional kerana fokus utamanya adalah untuk melahirkan murid yang lebih tinggi produktivitinya, mempunyai kemahiran komunikasi yang efektif, berinovasi dan kreatif. Ia berkaitan dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat yang menuntut para guru untuk sentiasa kehadapan dalam segenap aspek pengurusan bilik darjah terutamanya perancangan program dan aktiviti PdP.

Sehubungan dengan itu, dalam menjalankan tugas sebagai seorang pendidik, seorang guru bukan hanya perlu menguasai kemahiran dalam proses PdP tetapi mereka juga perlu menguasai kemahiran untuk mengurus sebuah bilik darjah. Hal ini kerana, tindakan yang mereka ambil ketika mengurus sebuah bilik darjah akan memberi kesan dan impak kepada kanak-kanak. Pengurusan bilik darjah merupakan kemahiran yang agak sukar untuk dikuasai terutamanya bagi guru baharu. Walau bagaimanapun, sekiranya kemahiran ini dapat dikuasai, proses PdP akan menjadi pengalaman yang menyeronokkan (Abdul Halim, 2014).

Menurut Norliza (2016), salah satu elemen penting untuk menjadikan keberkesanan bilik darjah mesra kanak-kanak ialah para guru mampu untuk menyediakan suasana penglibatan kanak-kanak secara aktif dalam proses PdP dengan cara mengoptimumkan potensi mereka. Sehubungan dengan itu, guru juga perlu mengambil kira konsep pembelajaran secara adaptif untuk menangani perbezaan kebolehan dan keupayaan kanak-kanak mengikut prinsip ABP. Guru yang bijak adalah guru yang sentiasa mencipta persekitaran permainan yang berpusatkan kanak-kanak dan dapat merangsang serta memperkembangkan daya fikir kanak-kanak (Saracho, 2012). Justeru, susun atur bilik darjah perlu mengambil kira pembelajaran individu, berpasangan dan juga berkumpulan untuk memenuhi keperluan kanak-kanak abad ke-21 yang lebih terbuka dan terkini.

Memandangkan kepentingan guru memahami ABP dan mengaplikasikannya dalam pengurusan bilik darjah prasekolah, maka kajian ini patut dijalankan bagi melihat sejauh manakah guru-guru dapat mengaplikasikan kefahaman mereka terhadap ABP dalam pengurusan bilik darjah. Bagi tujuan kajian ini juga pengkaji fokuskan kepada empat dimensi utama pengurusan bilik darjah iaitu (1) Dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah, (2) Dimensi pengurusan perancangan aktiviti, (3) Dimensi pengurusan hubungan dan komunikasi, dan (4) Dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak. Setiap dimensi dibincangkan secara lebih terperinci dalam bab 2.

Secara keseluruhannya, guru memainkan peranan penting dalam pengurusan bilik darjah prasekolah. Oleh itu guru adalah individu yang harus membawa pembaharuan ini di dalam bilik darjah mereka selari dengan sistem pendidikan Malaysia yang berhasrat memastikan setiap kanak-kanak mencapai potensi

sepenuhnya melalui PPPM 2013-2025 yang mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi setiap murid.

1.3 Pernyataan Masalah

Mengurus bilik darjah boleh menjadi satu tugas yang sukar bagi sesetengah guru. Walaupun guru-guru telah didedahkan dengan pelbagai latihan dan bengkel berkaitan ABP, kefahaman dan amalan kurang diberi perhatian dan tumpuan hanya diberikan terhadap bagaimana menguruskan bilik darjah secara formal dan kurangnya *reality-based pedagogy* dalam latihan-latihan perguruan. Dapatan kajian Meng Yew Tee et al. (2018) menyatakan amalan dalam pengurusan bilik darjah masih mempunyai kekurangan dari segi kepelbagaian aktiviti yang dijalankan di dalam bilik darjah. Amalan dan kualiti pengurusan aktiviti dalam bilik darjah perlu diambil berat dan dipertingkatkan sebagai persediaan untuk menghadapi sistem pendidikan abad ke-21.

Kajian Mariani et al. (2009) menunjukkan walaupun guru mempunyai kepakaran dalam pengurusan pentadbiran bilik darjah, pengajaran dan pembelajaran tetapi mereka mempunyai masalah dalam mengintegrasikan pelbagai pendekatan seperti yang dicadangkan dalam KSPK. Justeru, dapatan kajian Tee Ying Qin dan Mariani (2018) terhadap guru prasekolah swasta mendapati terdapat jurang yang jelas di antara kefahaman dan amalan sebenar guru dalam pengurusan bilik darjah. Dapatan kajian ini juga mendapati persekitaran bilik darjah prasekolah adalah kontra dengan ABP yang perlu dipatuhi dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Justeru, terdapat kajian lain di luar negara berhubung dengan amalan guru dan ABP oleh Hegde dan Cassidy, 2009; McMullen, 1999; McMullen et. al., 2006; dan Rentzou & Sakellariou, 2011. Didapati masih kurang kajian di Malaysia yang menumpukan kepada hubungan antara pengurusan bilik darjah dan ABP terutamanya yang berkaitan

dengan bilik darjah prasekolah kecuali yang dijalankan oleh Yusliza, 2013; Abd Halim, 2014; dan Zaleha, 2017.

Salah satu aspek yang ditekankan semasa mengintegrasikan ABP dalam PdP ialah bahan bantu mengajar untuk memberi inspirasi kepada kreativiti kanak-kanak (Norsita, 2014). Menurut Marziah et al. (2017), guru prasekolah kurang mengamalkan pendekatan pengajaran yang berkesan mengikut ABP walaupun guru prasekolah telah didedahkan dengan kepentingan ABP yang terkandung di dalam panduan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Menurut Norsita dan Zainal (2014), pusat pembelajaran yang kondusif, teratur, menarik dan selesa boleh menarik minat kanak-kanak untuk hadir ke sekolah dan berminat untuk belajar semasa sesi pembelajaran berlangsung. Selain daripada kanak-kanak, guru juga mempunyai semangat yang tinggi untuk mengajar di dalam bilik darjah. Kesesuaian pusat pembelajaran boleh merangsang pemikiran dan minat kanak-kanak dan ini adalah sebahagian daripada teknik pembelajaran yang berkesan.

Pengurusan bilik darjah adalah satu kemahiran yang amat penting dan perlu dikembangkan oleh guru-guru bagi membolehkan guru menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Pengurusan bilik darjah pada umumnya bertujuan mewujudkan keadaan, suasana, dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Kebanyakan kajian yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah lebih berfokus kepada pengurusan disiplin atau tingkahlaku kanak-kanak dalam bilik darjah (Dobbs-Oates, Kaderavek, Guo & Justice, 2011; Erden, 2004; Hoffman, Hutchinson & Reiss, 2009; Jolivette & Steed, 2010; Martin & Sass, 2010; Tillery, Varjas, Meyers & Collins, 2010). Di Malaysia, kajian yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah pula lebih berfokus kepada kajian pengurusan tingkah laku kanak-kanak di dalam bilik darjah (Anna Christina, 2000; Syarinah, 2013; Hanafi

Yassin, 2016; Shahrul Afzan, 2017; Johari Talib, 2017; Zanariah Mat Isa 2017). Namun demikian, kajian yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah terutamanya amalan guru-guru prasekolah sangat terhad. Sehubungan dengan itu maka kajian ini perlu dijalankan bagi memenuhi lompang literatur tersebut.

Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa kajian ini amat perlu dijalankan bagi memenuhi jurang yang ada dan mengetahui potensi sebenar keberkesanan ABP dalam aktiviti dan jadual harian guru serta kanak-kanak di prasekolah. Menerusi kajian ini juga, keselarasan atau konsistensi antara pengetahuan yang ada pada guru prasekolah dengan amalan sebenar guru prasekolah dalam bilik darjah dapat dilihat dan dinilai secara telus dari pelbagai sudut. Perkara ini adalah amat penting untuk melihat sama ada amalan dan pemahaman guru di dalam bilik darjah prasekolah selaras dan menyokong program pendidikan awal kanak-kanak yang dijalankan di Malaysia.

1.4 Tujuan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kefahaman dan amalan sebenar guru prasekolah dalam mengaplikasikan ABP dalam pengurusan bilik darjah. Selain daripada itu, kajian juga turut melihat keselarian antara kefahaman dan amalan dalam mengaplikasikan ABP dalam pengurusan bilik darjah dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

1.5 Objektif Kajian

Secara spesifik kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengkaji kefahaman guru prasekolah terhadap empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP).

- i. Dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah.
 - ii. Dimensi pengurusan perancangan aktiviti.
 - iii. Dimensi pengurusan hubungan dan komunikasi.
 - iv. Dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak.
2. Meninjau amalan guru prasekolah yang berkaitan dengan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP).
 - i. Dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah.
 - ii. Dimensi pengurusan perancangan aktiviti.
 - iii. Dimensi pengurusan hubungan dan komunikasi.
 - iv. Dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak.
3. Meneliti sama ada kefahaman guru prasekolah selari dengan amalannya berkaitan dengan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP).
 - i. Dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah.
 - ii. Dimensi pengurusan perancangan aktiviti.
 - iii. Dimensi pengurusan hubungan dan komunikasi.
 - iv. Dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak.
4. Meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam menguruskan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP).

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini turut menjawab soalan-soalan kajian yang dikehendaki seperti berikut:

1. Apakah kefahaman guru prasekolah terhadap empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP)?
 - i. Dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah.
 - ii. Dimensi pengurusan perancangan aktiviti.
 - iii. Dimensi pengurusan hubungan dan komunikasi.
 - iv. Dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak.
2. Sejauhmanakah amalan guru prasekolah yang berkaitan dengan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP)?
 - i. Dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah.
 - ii. Dimensi pengurusan perancangan aktiviti.
 - iii. Dimensi pengurusan hubungan dan komunikasi.
 - iv. Dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak.
3. Sejauhmanakah kefahaman guru prasekolah selari dengan amalannya berkaitan dengan empat dimensi pengurusan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP)?
 - i. Dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah.
 - ii. Dimensi pengurusan perancangan aktiviti.
 - iii. Dimensi pengurusan hubungan dan komunikasi.
 - iv. Dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak.
4. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam menguruskan bilik darjah berdasarkan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak (ABP)?

1.7 Limitasi dan Delimitasi Kajian

Limitasi dalam kajian merupakan perkara yang tidak dapat dikawal oleh pengkaji manakala delimitasi pula adalah skop kajian yang dibentuk dan ditetapkan sendiri oleh pengkaji dalam menjalankan kajian. Limitasi dan delimitasi kajian ini adalah seperti berikut:

1.7.1 Limitasi Kajian

Kejujuran setiap responden adalah luar kawalan pengkaji. Namun begitu pengkaji telah menjelaskan supaya responden menjawab dengan tepat dan jujur.

1.7.2 Delimitasi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu reka bentuk kajian pelbagai kes dengan melakukan pemilihan responden melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kajian pelbagai kes ini hanya melibatkan empat orang guru prasekolah sahaja yang berkhidmat di prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru yang terlibat adalah dalam kalangan guru prasekolah yang telah berkhidmat lebih lima tahun. Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data sahaja iaitu kaedah pemerhatian, temu bual dan menganalisis dokumen.

Fokus kajian ini hanya melibatkan empat dimensi pengurusan bilik darjah prasekolah berdasarkan ABP iaitu (i) dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah, (ii) dimensi pengurusan perancangan aktiviti, (iii) dimensi pengurusan hubungan dan komunikasi, dan (iv) dimensi pengurusan tingkah laku kanak-kanak.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana dapat memberikan sumbangan kepada guru prasekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Hasil dapatan secara amnya ini diharap dapat memberi impak positif dari segi penambahbaikan terhadap kandungan bentuk latihan yang bersesuaian untuk guru-guru prasekolah agar lebih memahami penggunaan konsep ABP dalam pelaksanaan pengajaran mereka. Pemahaman tentang perkembangan kanak-kanak adalah penting semasa merancang dan melaksanakan kurikulum kerana pengetahuan sebegini membantu perancang dan pelaksana kurikulum membangunkan kurikulum yang bersesuaian dengan keperluan dan minat kanak-kanak (Essa, 2011). Beberapa implikasi daripada kajian turut dibincangkan antaranya, faedah yang bakal diperolehi oleh semua guru prasekolah, pihak sekolah yang terlibat dan sekolah di kawasan sekitarnya, supaya mereka dapat merangka dan merancang rancangan jangka masa panjang yang bertujuan untuk merangsang perkembangan holistik kanak-kanak prasekolah dengan susun atur bilik darjah dengan mengambilkira Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan (ABP) kanak-kanak. Melalui kajian ini diharap dapatannya dapat memberi gambaran yang sebenar tentang kedudukan pengurusan aktiviti bilik darjah dan aktiviti pembelajaran dalam pendidikan prasekolah dan memastikan kanak-kanak menjalani perkembangan yang sewajarnya mengikut peringkat umur.

1.8.1 Kepentingan Kajian kepada Guru Prasekolah

Adalah diharapkan informasi daripada dapatan kajian ini boleh membantu guru prasekolah dalam usaha mewujudkan dan menguruskan bilik darjah prasekolah dengan lebih efektif. Keberkesanan proses PdP adalah terletak pada bahu guru. Guru yang bijak merancang dan melaksana aktiviti yang menyeronokkan akan menjadikan

kanak-kanak tiada masa untuk mencipta aktiviti sendiri semasa berada di dalam bilik darjah. Seliaan spontan guru semasa bersama kanak-kanak adalah amat penting untuk membendung tingkah laku negatif kanak-kanak. Di samping itu, kajian ini juga adalah penting kerana ia dapat memberi lembaran baru dalam suasana pengajaran dan pembelajaran di prasekolah yang seharusnya menghormati perbezaan individu. Ini kerana tidak semua kanak-kanak memiliki minat yang mendorong cara belajar yang sama. Hal ini juga secara tidak langsung dapat membuka minda guru prasekolah untuk lebih kreatif dalam merangsang dan menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk cara kanak-kanak belajar. Selain itu, diharapkan juga agar kajian ini menjadi alat untuk melonjakkan paradigma ke arah penghasilan inovasi yang kreatif dalam kalangan guru-guru prasekolah berdasarkan pemahaman tentang pengurusan bilik darjah dengan mengambilkira prinsip Amalan Bersesuaian Perkembangan.

1.8.2 Kepentingan Kajian kepada Pengurusan Sekolah

Seterusnya dapatan kajian juga diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak pengurusan prasekolah serta pihak jemaah Nazir sekolah bagi tujuan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan terutama sekali melibatkan pengurusan bilik darjah agar dapat dilaksanakan seperti yang dihasratkan mengikut ABP dan seterusnya bagi menjamin tercapainya objektif kurikulum tersebut. Justeru kajian ini juga diharap dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan dalam penyelarasan bagi mempertingkatkan mutu pendidikan awal kanak-kanak di negara ini agar dapat mempergiatkan lagi amalan perancangan kurikulum, pengelolaan dan pentadbiran serta pentauliahan para pendidik.

1.8.3 Kepentingan Kajian kepada Kementerian Pelajaran Malaysia

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam menyusun satu strategi yang berguna kepada guru untuk menguruskan persekitaran fizikal bilik darjah, perancangan dan program aktiviti, hubungan dan komunikasi, dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak berlandaskan ABP. Maklumat berkaitan dapat disalurkan bagi membantu mengatasi masalah yang berkaitan dengan guru dan pelaksanaan PdP di bilik darjah prasekolah.

1.8.4 Kepentingan Kajian kepada Bakal Penyelidik

Dapatan kajian ini juga boleh digunakan sebagai satu sumber maklumat untuk kajian selanjutnya mengenai pengurusan bilik darjah prasekolah. Ianya diharapkan dapat menjadi panduan kepada pengkaji lain yang berminat untuk menjalankan kajian tentang pengurusan bilik darjah prasekolah selain prasekolah KPM seperti prasekolah KEMAS, Perpaduan dan tadika swasta. Dapatan ini juga boleh membantu pengurusan bilik darjah prasekolah yang kurang berkesan dapat dibantu dan berjaya ditransformasikan kepada prasekolah KPM yang berkesan. Dapatan tersebut boleh menjadi data informasi yang berguna untuk rujukan masa akan datang. Akhir sekali, kajian ini juga boleh dijadikan bahan rujukan kepada warga pendidik atau organisasi pendidikan yang lain dalam pengurusan dan pentadbiran yang efektif khususnya dalam meningkatkan kualiti PdP serta mengenal pasti cara pengurusan bilik darjah yang terbaik untuk diamalkan.

1.9 Definisi Operasional Kajian

Bagi memudahkan perbincangan dalam kajian ini, beberapa konsep atau istilah berikut telah didefinisi secara operasional dan dijelaskan dalam konteks kajian ini;

1.9.1 Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah

Pengurusan bilik darjah prasekolah adalah semua perkara yang dilakukan oleh guru bagi memastikan proses PdP berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang disasarkan. Dalam konteks kajian ini, pengurusan bilik darjah prasekolah termasuklah pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah, pengurusan perancangan dan aktiviti, pengurusan hubungan dan komunikasi dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak.

1.9.2 Dimensi Pengurusan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah

Dalam kajian ini, dimensi pengurusan persekitaran fizikal bilik darjah memberi tumpuan dalam mewujudkan persekitaran responsif yang merangkumi urusan pengendalian ruang bilik darjah yang sesuai dan selari dengan prinsip ABP. Aspek yang dilihat oleh pengkaji ialah ruang dalaman, perabot, ruang pembelajaran dan paparan yang berkaitan dengan kanak-kanak. Ia adalah bertujuan untuk menyokong interaksi sosial di mana terdapatnya pelbagai pengalaman pembelajaran melalui bermain berlaku, pusat pembelajaran yang bermakna, penyediaan bahan-bahan pembelajaran sesuai dan menggalakkan kanak-kanak membuat penerokaan dan memberikan gambaran tentang minat sebenar kanak-kanak.